

## Gaya Bahasa Dalam Teater Tradisional Mek Mulung

**Mohamad Yazid Bin Kerya**

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Malaysia  
myazi@ipda.edu.my

**Fatahiyah Binti Mohd Ishak**

Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Malaysia  
fatahiyah@ipda.edu.my

**Wan Roslina Binti Wan Ismail, *Phd***

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Malaysia  
wanlina@ipsah.edu.my

### Abstrak

Mek Mulung merupakan sebuah teater tradisional Melayu Kedah yang mempunyai bentuk dan struktur persembahan yang hampir menyamai teater tradisional Mak Yong, Menora dan Jikey. Namun persembahannya agak berbeza kerana teater tradisional Melayu Kedah ini menggunakan dialek Kedah. Persembahannya menggabungkan elemen gerak lakon, tarian, muzik dan lagu. Teater warisan milik negeri Kedah ini dapat digolongkan sebagai sebuah persembahan dalam bentuk tradisi lisan dan merupakan sebuah warisan penting di utara Semenanjung Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa dialog dan lagu dalam teater Mek Mulung. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan dalam usaha menjadikan kajian ini sebagai sebahagian daripada dokumen ilmiah untuk rujukan tambahan dan memperkayakan lagi koleksi penyelidikan yang bersesuaian dengan pengisytiharan Mek Mulung sebagai seni warisan milik negeri Kedah. Kajian terhadap teater ini dilakukan secara kerja lapangan dengan menonton sendiri persembahannya dan menemu bual pewaris-pewaris serta penggiat seni tersebut. Selain itu, kajian kepustakaan juga dilakukan untuk meneliti dan menganalisis gaya bahasa yang terdapat dalam skrip cerita "Putera Cahaya Bulan" yang telah diolah dan ditulis semula serta dipersembahkan dalam bentuk moden. Kajian ini terbatas kepada aspek gaya bahasa dalam dialog dan lagu yang dipersembahkan. Dapatan kajian menunjukkan gaya bahasa pengulangan, iaitu anafora dan epifora telah mendominasi dialog dan lagu sepanjang cerita tersebut. Gaya bahasa pengulangan dalam teater ini didapati berfungsi sebagai penguat atau untuk mengukuhkan penyampaian mesejnya. Gaya bahasa yang turut ditemukan ialah personifikasi, kiasan imejan, plaeonasme, sinkof dan paradoks. Selain itu, aspek diksi dengan penggunaan dialek Kedah didapati memberi kesan terhadap cara persembahannya. Manakala penggunaan bahasa Inggeris hanyalah sebagai penguat untuk menimbulkan unsur humor dan menarik perhatian penonton. Kepelbagai penggunaan gaya bahasanya termasuk peribahasa dalam teater ini dapat memberikan gambaran tentang estetika bahasa Melayu dialek Kedah dan sosiobudaya masyarakat Melayu Kedah pada zaman dahulu.

**Kata Kunci:** Mek Mulung, gaya bahasa, peribahasa, Putera Cahaya Bulan

### Pengenalan

Mek Mulung merupakan sebuah teater tradisional Melayu Kedah yang mempunyai bentuk dan struktur persembahan yang hampir menyamai teater tradisional Mak Yong, Menora dan Jikey. Elemen persembahannya menggabungkan gerak lakon, tarian, muzik dan lagu. Mohamad Ghouse Nasarudin (2000) menyatakan bahawa Mek Mulung merupakan sebuah warisan penting di Utara Semenanjung yang dikelompokkan sebagai sebuah 'teater tradisional Melayu.' Teater Mek Mulung juga merupakan sebuah persembahan yang mencerminkan sejarah dan adat budaya masyarakat Melayu setempat khususnya dan masyarakat Melayu Kedah amnya. Begitu juga dari segi fungsinya, teater Mek Mulung yang asal bukan sahaja berperanan sebagai medium hiburan, malah sebagai medium pengubatan, terapi dan pemulihan. Hal yang demikian adalah kerana terdapatnya unsur upacara ritual dalam persembahannya, (Rahmah Bujang, 2007: 135-136). Kenyataan ini bersesuaian dengan pandangan para pengkaji seni teater tradisional, iaitu Alan Dundes (1996:83), yang mengakui bahawa tidak ada 'folklore' yang tidak membawa sebarang 'worldview' masyarakat dalam sesuatu persembahan atau cerita. Oleh yang demikian, adalah penting untuk menyelongkar lebih mendalam tentang teater Mek Mulung kerana di sebalik persembahan cerita-ceritanya, dapatlah diteliti akan sejarah, estetika atau keindahan dan akal budi masyarakat Melayu serta bentuk gaya bahasanya.

Penyelidikan gaya bahasa dalam teater Mek Mulung perlu dilakukan memandangkan aspek bahasa memainkan peranan yang penting bagi memberikan kesan terhadap persembahannya. Ali Ahmad (1971:2), menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang bergaya dapat menghidupkan cerita dan mempelbagaikan kemungkinan makna. Pandangan ini bersesuaian dengan pendapat Maimunah Haji Omar (1992:2), yang menjelaskan bahawa timbulnya kepelbagaian makna itu kerana bahasa dan gaya bahasa sesebuah karya kreatif yang mempunyai unsur-unsur dramatik dan nilai artistik tersendiri. Oleh hal yang demikian itu, aspek gaya bahasa dalam Mek Mulung adalah wajar untuk diterokai bagi melihat perkaitan bahasa dan kesannya terhadap cerita yang disampaikan.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek gaya bahasa dialog dan lagu yang terdapat dalam cerita Putera Cahaya Bulan dalam persembahan teater Mek Mulung.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian tentang Mek Mulung secara keseluruhannya masih terhad dan terbatas kepada aspek sejarah, muzik dan struktur persembahan. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Awang Sariyan (1986:2), bahawa penelitian terhadap karya sastera Melayu di Malaysia setakat ini masih pada tahap memperincikan tema, struktur yang meliputi plot, watak, latar sudut pandangan dan sedikit-sedikit gaya bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian gaya bahasa ini diharapkan dapat memperluas unsur-unsur yang terdapat dalam teater Mek Mulung. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan tambahan bagi memperbanyakkan koleksi penyelidikan tentang Mek Mulung yang telah diangkat sebagai seni warisan negeri Kedah. Bersesuaian dengan kedudukannya sebagai seni warisan milik negeri Kedah Darul Aman, sewajarnya seni teater tradisional Mek Mulung ini perlu didokumentasikan secara ilmiah untuk rujukan generasi akan datang.

### **Kaedah Kajian**

Secara umumnya kajian ini berorientasikan kerja lapangan dan kepustakaan. Kerja lapangan dilakukan dengan cara menemu bual dan menonton sendiri persembahan teater Mek Mulung, cerita Putera Cahaya Bulan yang dipersembahkan oleh Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya (AKRAB) pada 18 November 2012, di Auditorium RTM Kedah dan pada 23 Mac 2012 dipentaskan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak dan persembahan oleh kumpulan asal dari Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah pada 13 hingga 17 September 2014. Kaedah temu bual juga telah dilakukan pada bulan Disember hingga Mac 2015. Penyelidikan lanjutan tentang gaya bahasa dalam teater tradisional Mek Mulung adalah berdasarkan temu bual bersama Saudara Saad Taib (Ketua Kumpulan Mek Mulung, pewaris kelapan) dan sumber penceritaan daripada saudara Ahmad Shahadan (pewaris generasi ke-15).

Selain itu, kajian melalui kaedah kepustakaan turut dilakukan dengan cara menganalisis klasifikasi bentuk gaya bahasa yang terdapat dalam skrip cerita Putera Cahaya Bulan yang diolah dan ditulis semula oleh saudara Saipol Bahari Mohd Imam daripada Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya (AKRAB) yang juga merupakan seorang pengarah teater muda di Kedah. Maklumat tambahan juga diperoleh dengan cara merujuk buku-buku dan penulisan serta bahan kajian tentang teater Mek Mulung serta gaya bahasa.

### **Batasan Kajian**

Kajian-kajian terdahulu tentang Mek Mulung banyak berkisarkan kepada sejarah asal-usul, struktur persembahan, elemen muzik, dan ritualnya. Sebenarnya terdapat banyak aspek lain yang boleh difokuskan dalam seni teater Mek Mulung. Antaranya ialah aspek gaya bahasa, unsur humor, gaya lakon dan sebagainya. Dalam kajian ini, perkara yang difokuskan ialah aspek gaya bahasa berdasarkan skrip cerita Putera Cahaya Bulan yang dipersembahkan oleh kumpulan asal Mek Mulung dari Kampung Baru Wang, Tepus, Jitra, Kedah dan pentas semula dalam bentuk yang lebih besar oleh Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya, Alor Setar (AKRAB). Aspek gaya bahasa yang diteliti adalah berdasarkan pemerhatian terhadap persembahan oleh kumpulan asal Mek Mulung dan skrip yang ditulis oleh kumpulan AKRAB. Batasan lokasi kajian adalah di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah dan pentas di Universiti Pendidikan Sultan Idris serta di auditorium, RTM Kedah. Skop kajiannya difokuskan secara khusus, iaitu bentuk gaya bahasa yang terdapat dalam dialog dan lagu Mek Mulung yang membawa cerita Putera Cahaya Bulan. Manakala skrip yang dirujuk hanyalah berdasarkan skrip yang diolah dan ditulis semula oleh saudara Saipol Bahari Mohd Imam daripada kumpulan AKRAB, Alor Setar.

### **Sorotan Karya**

Pengkajian tentang gaya bahasa dalam teater Mek Mulung ini tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja kerana seni teater ini belum lagi popular dalam kalangan masyarakat Malaysia berbanding dengan teater tradisional Mak Yong yang sudah diangkat sebagai seni warisan negara. Baharudin Zainal (1974:15) dalam Maniyamim Haji Ibrahim (2006), berpendapat sedikit sekali tulisan-tulisan yang membahaskan gaya bahasa atau stail dalam kesusasteraan. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Awang Sariyan (1986:2), bahawa penelitian terhadap karya sastera Melayu di Malaysia setakat ini masih pada tahap memperincikan tema, struktur yang meliputi plot, watak, latar sudut pandangan dan sedikit-sedikit gaya bahasa.

Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil (2012) menjelaskan bahawa bahasa Melayu mempunyai nilai budi bahasa yang mempunyai kesantunan dan bertunjangkan budaya Melayu serta agama Islam. Penggunaan peribahasa Melayu berjaya mengungkapkan isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dalam nada dan suasana yang berbeza dengan bahasa literal yang langsung maksudnya. Masyarakat dahulu sangat peka dengan persekitaran mereka sehingga berupaya menerapkan unsur-unsur flora dan fauna serta entiti konkrit lain dalam perbandingan serta kiasan tersebut. Malahan Hanapi Dollah (2002) menegaskan bahawa falasah dan nilai dalam bahasa Melayu tidak harus diketepikan yang patut dijadikan pengikut kelompok peribumi di negara ini.

Sebenarnya tidak banyak kajian tentang gaya bahasa dalam teater Mek Mulung. Namun demikian, kumpulan pelajar ijazah pendidikan, Universiti Putra Malaysia (1998) pernah menyentuh tentang aspek gaya bahasa lagu-lagu dan mantera dalam teater Mek Mulung. Kajian mereka mendapati rima dan bentuk lagunya adalah bebas dan tidak terikat sebagaimana puisi tradisional Melayu seperti pantun dan syair. Namun demikian gaya bahasa dalam lagu dan manteranya adalah puitis kerana terdapatnya elemen simlie, metafora dan gaya pengulangan. Elemen pengulangan didapati digunakan dengan banyaknya dalam persembahan Mek Mulung yang dikategorikan sebagai elemen penegas atau penguat bagi memantapkan hujahan atau keinginan yang hendak disampaikan. Rumusan kajian itu juga mendapati persembahan Mek Mulung dan lagu-lagunya mempunyai unsur estetika yang tersendiri. Masyarakat kini dapat membuat persepsi tentang corak budaya masyarakat masa lalu. Aspek gaya bahasanya juga telah mengalami banyak perubahan sejajar dengan peredaran masa.

Kajian-kajian lain tentang gaya bahasa ditulis oleh Abdullah Tahir (1979:96), yang mendapati bahawa bahasa sastera lebih halus dan tinggi unsur-unsur estetikanya berbanding dengan bahasa nonsastera. Manakala Maniyamin Haji Ibrahim (2006), berpendapat bahawa gaya bahasa dapat mengukuhkan binaan struktur sesebuah karya, malah mesejnya akan menjadi lebih jelas. Pendapat ini seiring dengan pandangan pengkaji terdahulu yang mendapati penggunaan gaya bahasa memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sesebuah cerita. Pendapat ini bersesuaian dengan dapatan oleh Maimunah Haji Omar (1992:2) yang menyatakan bahawa timbulnya kepelbagaian makna itu kerana bahasa dan gaya bahasa sesebuah karya kreatif yang mempunyai unsur-unsur dramatik dan nilai artistik tersendiri.

Oleh hal yang demikian, aspek gaya bahasa memainkan peranan yang penting bagi memberi kesan kepada pembaca mahu pun pendengar atau penonton. Kepentingan gaya bahasa dalam bahasa kreatif mahu pun bukan kreatif sememangnya tidak dapat dinafikan. Keberkesanan penyampaian bahasa secara lisan mahu pun penulisan bergantung kepada kekuatan bentuk gaya bahasa seseorang penulis atau penyampai.

### **Konsep Gaya Bahasa**

Aspek gaya bahasa bukanlah suatu perkara yang baharu dalam kajian tentang sesuatu bahasa. Terdapat pelbagai pendapat oleh pengkaji-pengkaji bahasa yang menjelaskan tentang makna dan konsep gaya bahasa. Menurut Kamus Dewan (1997:375) menjelaskan gaya sebagai cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang. Gaya bahasa pula berkaitan cara pemakaian bahasa, iaitu pengetahuan tentang pemilihan, penyusunan penggunaan sesuatu perkataan atau ayat.

Za'ba (1965:7) dalam Maniyamin Haji Ibrahim (2006) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataannya, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunannya dan bentuk pembahasannya. Manakala Hashim Awang (1986) pula memberi tafsiran gaya bahasa sebagai cara menggunakan kata-kata dalam penyampaian fikiran dan perasaan. Baginya sifat, fikiran dan tujuan penulis dapat dilihat daripada cara penyusunan kata-kata dalam bentuk terbaik lagi berkesan. Keris Mas (1990:13-16) memberi takrifan gaya bahasa sebagai cara atau ragam bahasa yang digunakan, khususnya dalam tulisan atau karangan untuk maksud-maksud tertentu seperti menghuraikan ilmu pengetahuan, berucap di hadapan khalayak dan sebagainya.

Daripada takrifan dan pendapat tokoh-tokoh di atas, dapatlah dirumuskan bahawa gaya bahasa merupakan suatu cara penyampaian bahasa secara lisan mahu pun tulisan bagi memberikan kesan kepada pembaca atau penonton. Gaya bahasa menjuruskan kepada stail atau gaya tersendiri yang digunakan penulis atau pengkarya dengan cara menentukan pemilihan kata, frasa atau ayat dalam karya mereka bagi menimbulkan kesan estetik terhadap bahasa.

### **Bentuk Gaya Bahasa**

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005:9), telah mengkategorikan bentuk gaya bahasa terbahagi kepada lima jenis, iaitu gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa pengulangan, gaya bahasa pertautan dan gaya bahasa penyirnaan. Dalam kajian ini, jenis gaya bahasa hanya dikelompokkan kepada gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa perulangan, gaya bahasa penyirnaan, peribahasa dan penggunaan diksi.

Dalam kajian ini, gaya bahasa yang dibincangkan adalah gaya bahasa perbandingan yang terdiri daripada metafora, personifikasi, pleonasme dan similie. Manakala gaya bahasa pertentangan adalah gaya bahasa hiperbola, dan paradoks. Bagi gaya bahasa pengulangan pula terdiri daripada anafora, epifora dan repetisi. Sementara gaya bahasa penyirnaan hanya akan menyentuh gaya bahasa jenis sinkof. Penggunaan diksi pula terbahagi kepada dua aspek, iaitu penggunaan dialek Kedah dan bahasa pinjaman (bahasa Inggeris). Manakala gaya bahasa sampingan yang turut dibincangkan ialah penggunaan peribahasa dalam dialog lakonan dan lagu. Takrif dan konsep bagi setiap bentuk gaya bahasa itu akan dijelaskan dalam dapatan kajian ini.

### **Dapatan Kajian**

Setelah diteliti dan dianalisis skrip cerita Putera Cahaya Bulan dalam teater tradisional Mek Mulung, terdapat beberapa bentuk gaya bahasa yang dikenal pasti telah mendominasi dialog dan lagunya. Bagi mendapat kejelasan tentang dapatan kajian, penerangannya dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu gaya bahasa dalam dialog dan gaya bahasa dalam lagu-lagu yang dinyanyikan semasa pementasan cerita Putera Cahaya Bulan dalam teater Mek Mulung.

## Gaya Bahasa Dialog Dalam Teater Tradisional Mek Mulung

Pada bahagian dialognya didapati bentuk gaya bahasa pengulangan lebih dominan berbanding gaya bahasa perbandingan, pertentangan dan penyirnaan. Bentuk gaya bahasa pengulangan yang ditemukan dalam cerita Putera Cahaya Bulan ini ialah gaya bahasa anafora, epifora dan repetisi. Selain itu gaya bahasa yang ditemukan dalam skrip cerita ini terdiri daripada gaya bahasa hiperbola, personifikasi, kiasan simbol, pleonasme, paradoks, sinkof, peribahasa, penggunaan dialek Kedah dan bahasa pinjaman (bahasa Inggeris)

### Gaya Bahasa Anafora

Gaya bahasa anafora bermaksud terdapat pengulangan perkataan pertama pada setiap baris atau ayat yang biasanya secara berturutan. Bentuk gaya bahasa anafora dapat dikesan dalam dialog oleh watak-watak Wak Nujum, Inang, Putera Cahaya Bulan, dan Awang. Antara dialog-dialog tersebut ialah:

Wak Nujum : Wak dok **balai** rong balai jawa. **Balai** mana sari bulan. **Balai** cak kuda berlari. **Balai** tulis kaca biru...**Kalau** kurang ubat peluru..**Kalau** lembing yang karat....**Kalau** kurang rakyat...

Inang : Kami semua melawak je tadi. **Apa** hajat, **apa** kehendak Mek Senik mai jumpa kami?

Putera Cahaya: Diam tak diam, adik dapat abang. **Apa** Maksud, **apa** kehendak? Bulan (PCB)

PCB : Apa **kurang** di anjung stana, **kurang** makan, atau **kurang** bedak luloq?

Awang : Ya lah. **Aku** sudah dapatkan Wak Nujum. **Aku** pun nak balik menuju ke ladang balai...

PCB : **Apa** habaq, **apa** berita? **Kalau dapat** kata **dapat**, **kalau tidak** kata **tidak**

### Gaya Bahasa Epifora

Gaya bahasa epifora ialah pengulangan perkataan akhir atau frasa dalam ayat atau baris ayat. Gaya Bahasa epifora yang dipetik dalam skrip Putera Cahaya Bulan ialah dialog yang dituturkan oleh watak-watak seperti Puteri Nurmara dan Awang: Berikut ialah beberapa gaya bahasa epifora tersebut:

Puteri Nurmara: ...Adik boleh alamat mimpi, mimpi **tak pernah**, tabiat **tak pernah**.  
Kata  
mimpi boleh merbok putih....

Awang : Terkejut dok **beradu**, Awang **beradu**. Sapa pula dok panggil,



dok panggil Awang.

Awang : ...Aku pun balik **ke ladang balai**. Tak boleh ralit di sini nak tuju **ke ladang balai...**

### Gaya Bahasa Repetisi

Gaya bahasa repetisi bermaksud terdapat pengulangan perkataan atau frasa dalam sesuatu ayat atau perulangan dalam ayat-ayat berikutnya. Perulangan ini boleh berlaku pada awal, tengah atau akhir ayat. Gaya bahasa repetisi dalam skrip ini dituturkan oleh Putera Cahaya Bulan, Inang dan Awang. Antara bentuk gaya bahasa repetisi yang diungkapkan adalah seperti berikut:

PCB : Ya lah. Sedang **aku panggil** dengan haluih perlahan dia tak dengaq-dengaq, lalu **aku panggil** dengan kasaq kedegaq...

Inang : Terkejut jaga, oo Inang beradu. Sapa pulak **dok panggil, dok panggil** Inang. Baiklah ooo... **tengok** menyata **tengok...**

PCB : Ya lah. Sedang **aku panggil** dengan haluih perlahan dia tak dengaq-dengaq, lalu **aku panggil** dengan kasaq kedegaq...

Inang : Ooo... mai dari **anjung** sana nuu... dari **anjung** dapur kut.

Awang : Eee... tuju **balik** ooo... **balik ke ladang balai...balai** eee... selang berjalan ooo... **lenggang** belang **berlenggang...** **Lenggang** eee... dari **berjalan** ooo... **lari** baik **berlari...**

Awang : Eee.. **jalan berjalan** Awang **berjalan. Jalan** eee.. jatuh Awanglah **balai** ke tangga **balai. Balai** eee... sini tempatlah **radu** selang **beradu. Beradu** eee... selang **beradu** ooo... cara kira bicara

PCB : Apa habaq, apa berita? **Kalau dapat** kata **dapat, kalau tidak** kata **tidak**

PCB : ...lepas tu pi kerah **segala** bala rakyat dan **segala** hulubalang. Suruh depa main **segala** permainan dan berjaga di pintu kota...

Bentuk gaya bahasa yang lainnya juga dapat dikesan dalam dialog-dialog lakonan teater Mek Mulung ini. Antaranya ialah gaya bahasa perbandingan seperti hiperbola, metafora, personafikasi, dan pleonasme.

### Gaya Bahasa Hiperbola

Gaya bahasa hiperbola ialah penggunaan perkataan atau frasa yang memberikan gambaran yang berlebih-lebihan tentang sesuatu perkara. Bentuk gaya bahasa hiperbola yang terdapat dalam cerita Putera Cahaya Bulan ini adalah seperti dialog-dialog yang

dituturkan oleh Putera Cahaya Bulan, Awang, Raja Gergasi, Ahmad dan Sena. Dialog-dialog tersebut adalah seperti berikut:

- PCB : Aku panggil dengan ***kasaq kedegaq***, takut dia bangkit murka badan, lalu aku panggil dengan haluih perlahan.
- Awang : Kalau macam tu Cik wee.. ***sepantas kilat Awang pi*** la ni jugak....
- Raja Gergasi : Aku memang daripada ***keturunan besi berani***. sedang guruh berdentum tidak kulari, inikan pula katak yang memanggil hujan
- Ahmad : Jaga jaga, ***aku turun terbang*** macam tu saja...
- Sena : ...Takpa, kalau lagu tu ***aku turun terbang*** la ni jugak pi kat hang.
- Raja Gergasi : ***Terbang selalu*** la ee....

Berdasarkan dialog di atas, didapati beberapa perkataan dan frasa telah digunakan oleh watak-watak seperti Putera Cahaya Bulan, Awang Pengasuh, Ahmad, Sena dan Raja Gergasi. Sebagai contoh, Putera Cahaya Bulan telah menggunakan perkataan 'kasaq kedegaq' untuk memanggil Awang Pengasuh. Perkataan 'kasaq' sudah menunjukkan kekuatan suara yang dilontar untuk memanggil Awang. Malah sudah memadai jika Putera Cahaya Bulan menggunakan perkataan 'kasaq' bagi menunjukkan suara yang dilontarkan itu lebih kuat daripada panggilan biasa. Namun demikian, bagi menunjukkan suara panggilan itu sangat kuat, perkataan 'kedegaq' telah digunakan bersama-sama perkataan 'kasaq'. Jadi jelaslah bahawa penambahan perkataan 'kedegaq' itu adalah bagi menunjukkan unsur-unsur melebihi-lebihkan sifat perbuatan memanggil seseorang.

Gaya bahasa hiperbola dengan frasa 'sepantas kilat' dapat dikesan dalam dialog Awang kepada Putera Cahaya Bulan dan dalam dialog Raja Gergasi dengan ungkapan 'terbang selalu,' Begitu juga dengan dialog Ahmad dan Sena yang turut menggunakan ungkapan 'terbang selalu' menunjukkan bahawa frasa 'sepantas kilat' dan 'terbang selalu,' dan 'aku turun terbang,' itu telah menggambarkan pergerakan yang terlalu pantas. Secara logiknya manusia tidak boleh bergerak sepantas kilat dan manusia juga tidak boleh terbang. Namun ungkapan ini digunakan secara berlebihan bagi menunjukkan watak-watak ini sangat akur dengan arahan tuannya dan mereka bertindak dengan kadar segera.

### Gaya Bahasa Personifikasi

Gaya bahasa personifikasi ialah menginsankan atau memberi sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang tidak bernyawa dan idea yang abstrak. Elemen gaya bahasa personifikasi yang terdapat dalam skrip cerita ini dapat ditemukan dalam dialog-dialog yang diungkapkan oleh Puteri Nurmara dan Putera Cahaya Bulan. Berikut ialah dialog-dialog tersebut:

- Puteri Nurmara: ...masuk dini hari, embun berkokok, ***murai memacak pajak***, hari nak  
 siang, adik boleh mimpi....

Frasa 'embun berkokok' yang dituturkan oleh Puteri Nurmara memberikan sifat perbuatan kepada 'air embun' yang berkokok, sedangkan perbuatan berkokok itu adalah perbuatan ayam sedang berkokok. Manakala frasa 'murai memacak pajak' tidaklah



bermaksud burung murai memacak pajak, iaitu sejenis alat untuk memajak. Sebaliknya frasa tersebut memberikan gambaran burung murai mulai mengangkat ekor bersiap-siap untuk terbang pada awal pagi. Kedua-dua frasa tersebut menunjukkan bahawa hari akan siang atau menunjukkan waktu subuh, iaitu waktu sebelum terbitnya fajar.

### Gaya Bahasa Kiasan (simbolik)

Gaya bahasa kiasan bermaksud perkataan atau frasa yang digunakan memberi kiasan daripada makna sebenar yang hendak disampaikan. Frasa atau perkataan yang digunakan melambangkan simbol perasaan, perbuatan, keadaan dan sebagainya. Penggunaan gaya bahasa bentuk simbolik ini adalah untuk menambahkan keindahan dialog yang diungkapkan. Penggunaan simbol atau imejan dalam frasa akan memberikan kesan terhadap pendengar yang mendengar dialog tersebut. Berikut ini adalah contoh frasa yang telah dikenal pasti mempunyai unsur kiasan simbolik.

- PCB : Aku panggil dengan kasaq kedegaq, takut dia bangkit **murka badan**, lalu aku panggil dengan haluih perlahan.
- PCB : Takpalah. Saya panggil Wak ni sebab nak suruh **rungkai mimpi**...

Frasa 'murka badan' dalam dialog di atas membawa maksud tuan yang empunya badan akan berasa murka atau marah. Perkataan 'murka' bermaksud marah, manakala perkataan 'badan' membawa maksud empunya badan, iaitu watak Awang. Oleh itu frasa 'murka badan' bermakna Awang akan marah jika dipanggil dengan suara yang kuat.

Dalam dialog Putera Cahaya Bulan yang akan meminta Wak Nujum 'merungkai mimpi' pula, didapati penggunaan perkataan rungkai digunakan untuk mentafsir mimpi oleh Puteri Nurmara. Secara logiknya, perkataan rungkai hanya digunakan terhadap benda yang diikat dengan. Sudah tentu tidaklah munasabah jika mimpi diikat dengan tali yang perlu dirungkaikan. Kiasan 'merungkai mimpi' memberi makna mentafsir mimpi.

### Gaya Bahasa Pleonasme

Terdapat gaya bahasa yang menggunakan perkataan yang berlebihan dan tidak perlu dalam ayat kerana jika satu perkataan digugurkan tidak akan merubah maksud ayat. Gaya bahasa ini dikenali sebagai gaya bahasa pleonasme. Gaya bahasa bentuk ini diungkapkan oleh Puteri Nurmara dan Putera Cahaya Bulan seperti contoh berikut:

Puteri Nurmara: Saya mai ni nak **habaq bilang** kat Inang nak ajak pi ke ladang balai nak jumpa dengan abang kat ladang balai.

Puteri Nurmara: Inilah adik nak **habaq bilang**. Jika adik tak habaq bilang, manalah abang nak tau.

Puteri Nurmara: ...kata boleh mimpi boleh merbah putih. Terbang hinggap di tapak tangan. Acu nak genggam, terbang melayang ke **awan udara**...

PCB : Ya lah. Sedang aku panggil dengan **haluih perlahan** dia tak dengaq-dengaq,

Awang : ...baik dok **kelih** menyata **tengok...**

Penggunaan kata 'habaq' dan 'bilang' oleh Puteri Nurmara dalam dialognya membawa makna yang sama, iaitu 'memberitahu.' Maksud untuk memberitahu oleh Puteri Nurmara kepada Putera Cahaya Bulan tidak akan berubah jika satu daripada perkataan tersebut digugurkan. Di sini terdapat pembaziran penggunaan kata telah berlaku. Namun demikian, bagi menampakkan keindahan bahasa dalam dialog tersebut, kedua-dua perkataan telah digunakan serentak bersama-sama bagi membawa kesan puitis kepada pendengar dialog tersebut.

Bagi perkataan 'haluih' (halus) yang digunakan bersama-sama dengan perkataan 'perlahan' bertujuan memberi penekanan terhadap tahap nada suara dan cara penutur memanggil seseorang dengan nada suara perlahan dan sopan. Namun, jika digugurkan satu daripada perkataan tersebut sebenarnya sudah boleh difahami dengan maksud memanggil dengan nada suara yang perlahan dan sopan.

Begitu juga bagi perkataan 'kelih' dan 'tengok.' Kedua-dua perkataan tersebut membawa makna lihat atau tengok. Makna 'melihat' tidak akan berubah jika hanya perkataan 'kelih' atau 'tengok' digunakan dalam dialog tersebut.

### Gaya Bahasa Paradoks

Gaya bahasa paradoks ialah sejenis gaya bahasa yang mengandungi pertentangan yang nyata dengan fakta. Gaya bahasa jenis juga menerang sesuatu sifat keadaan atau suasana yang berlawanan. Terdapat penggunaan gaya bahasa paradoks yang diungkapkan dalam dialog cerita Putera Cahaya Bulan. Dialog tersebut diungkapkan oleh Raja Gergasi ketika menawan Puteri Nurmara. Perkataan atau ayat yang digunakan dalam dialog Raja Gergasi ialah '**sedangkan guruh berdentum tidak kulari, inikan pula katak yang memanggil hujan.**' Dialog ini memberi makna yang bertentangan, iaitu yang kuat dan yang lemah. Dari satu aspek, ayat tersebut bersifat kiasan antara yang lemah dan kuat.

### Gaya Bahasa Sinkof

Bentuk gaya bahasa sinkof bermaksud kependekan atau pengguguran suku kata daripada perkataan asal. Skrip cerita yang dikaji ini dipersembahkan dalam bentuk teater. Oleh hal yang demikian, sudah tentu cerita ini dipersembahkan dalam bentuk lakonan yang dialog-dialognya menggunakan dialek Kedah sepenuhnya. Terdapat banyak perkataan yang digunakan yang menunjukkan berlakunya penyingkiran suku kata atau kependekan kata. Antara perkataan yang dikenal pasti ialah:

Tak (tidak)	mau (mahu)	tak (tahu)	tu (itu)	nak (hendak)
Buh (bubuh)	dah (sudah)	kan (bukan)	ja (sahaja)	duk (duduk)
Mai (mari)	pi (pergi)	buh (bubuh)	gi (lagi)	gitu (begitu)

### Diksi

Diksi ialah gaya bahasa yang menyentuh tentang pemilihan perkataan atau penggunaan perkataan yang bersesuaian dengan bahasa yang hendak dipersembahkan sama ada dalam bentuk lisan mahu pun tulisan. Dalam kajian ini, perkataan dialek Kedah digunakan bagi menunjukkan kesan yang bersesuaian dengan asal usul teater ini. Manakala

penggunaan bahasa asing (bahasa Inggeris) bertujuan bagi meninggalkan impak kelucuan dan bersesuaian dengan situasi semasa. Oleh hal yang demikian itu, penggunaan perkataan-perkataan dalam dialognya adalah mengikut cara-cara sebutan orang Kedah. Aspek diksi yang ketara dalam teater ini ialah dialek Kedah itu sendiri. Terdapat beberapa perkataan dalam dialek Kedah yang sukar difahami dan terdapat juga perkataan yang sememangnya sudah difahami oleh masyarakat Malaysia. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah ralit (leka), kelih (lihat), Coih (muncul dengan tiba-tiba), Sat (sekejap), Lagu (bagaimana/ macam mana), la (sekarang), hampa (kamu untuk ramai), hang (kamu), depa (mereka), terebey (lastik), awat (kenapa) dan sebagainya. Dialog-dialog tersebut adalah seperti berikut:

Puteri Nurmara: ...Eh...tak boleh **ralit** duk beradu kat kat anjung istana, dah masuk dinihari ni....Aku boleh pimpin boleh merbok putih... ya lah, kalau gitu...

Awang : Tau tau **coih** depan mata...

Inang : Nak pi **la** ni ka?

Inang : Ni...ada orang mai nak jual bunga. **Hampa** mau ka?

Inang : Apa, mai nak jual bunga? Nanti inang tanya inang-inang lain no.  
Inang, oh inang mai keluaq **sat**.

Puteri Nurmara: Bukan, saya **mai** dari anjung stana..

Awang : Isy... aku rimbok orang tua ni satgi.... Raja panggil Wak pi jumpa dengan dia.

Wak Nujum : Tak tau **lagu** mana..?

Wak Nujum : Apa dia, **hang** nak pinjam **terebey**?

PCB : **Takpalah**. Saya panggil Wak ni sebab nak suruh rungkai mimpi....

Awang : ...baik dok **kelih** menyata tengok...

Raja Gergasi : **Awatlah hampa** dua ni bengong sangat, makan gaji buta.

Raja Gergasi : ...tak leh ralit, aku kena panggil .... Mana **depa** pi ni, aku panggil tak **menyut-menyut**.

Raja Gergasi : Oo... **hang** masih **ketegaq** walaupun hang dah ditawan

Raja Gergasi : Ha... **awat** tadi sembang kemas sangat?

Selain daripada aspek dialek, penggunaan perkataan daripada bahasa Inggeris juga didapati turut digunakan, iaitu 'bye-bye' dan 'spesis.' Perkataan ini dituturkan oleh Awang Pengasuh. Tujuan penggunaan ini adalah untuk menimbulkan situasi humor dalam lakonan. Pemerhatian terhadap teater ini, didapati dialog-dialognya sering kali berubah atau diimprovisasi mengikut situasi. Hal ini kerana terdapat juga beberapa perkataan bahasa Inggeris yang ditokok tambah mengikut kesesuaian situasi dan latar belakang penonton.

Perkataan-perkataan pinjaman bahasa Inggeris ini hanya dituturkan oleh watak-watak lucu seperti Awang, Inang, Ahmad dan Sena. Manakala watak utama seperti Putera Cahaya Bulan dan Puteri Nurmara tidak akan menggunakan kata pinjaman ini. Sebaliknya dialog-dialog mereka lebih sopan dan puitis sesuai dengan kedudukan pangkat mereka.

Penggunaan dialek Kedah dan sedikit perkataan bahasa Inggeris sangat memberi kesan terhadap lakonan dan cerita dalam persembahan Mek Mulung. Bagi dialek Kedah, perkataan yang digunakan didapati lebih memberi makna yang tepat mengikut konteks situasi, manakala bahasa Inggeris pula adalah sekadar menimbulkan suasana kelucuan.

### Peribahasa

Selain daripada bentuk gaya bahasa yang dijelaskan di atas, dalam cerita Putera Cahaya Bulan teater Mek Mulung ini juga dapat dikesan penggunaan peribahasa. Antara peribahasa tersebut ialah pekak badak; makan gaji buta; menikam dari belakang; sudah jatuh ditimpa tangga; dan dah terang lagu bersuluh. Dialog peribahasa tersebut diungkapkan oleh watak Awang dalam babak perjalanannya ke rumah Wak Nujum. Dalam perjalanan tersebut Awang telah berjumpa dengan seorang gadis dan ketika itu mereka bermain teka teki seperti dialog berikut;

Gadis : betui tu. Tapi Cik abang tau ka pokok daun kecil batang besaq?

Awang : Alah... **dah terang lagi bersuluh**. Pokok Asam lah..

Semasa bertemu dengan Wak Nujum yang pekak itu, Awang juga telah mengungkapkan peribahasa seperti dialog berikut:

Awang : Wak oi, Wak, Wak oi.. **Pekak badak** sungguh orang tua ni...

Wak Nujum : Apa dia, hang nak pinjam terebey? Ada, kat atas para tu.

Selain daripada itu,beberapa dialog lain yang terdapat peribahasa adalah seperti berikut:

**...Makan gaji buta....**  
**...Peluang keemasan...**  
**...Menikam dari belakang...**  
**...Sudah jatuh ditimpa tangga...**

### Gaya Bahasa Lagu Dalam Teater Tradisional Mek Mulung

Dalam teater tradisional Mek Mulung, terdapat beberapa buah lagu yang didendangkan oleh para pelakornya. Antara lagu tersebut ialah Bertimpuh, Burung Odang, Tangkap Lakon, Raja Beradu, Ayuh Cek Milik dan Lagu Berjalan. Lagu-lagu tersebut yang didendangkan sama ada pada awal, tengah atau akhir cerita akan mengindahkan lagi jalan ceritanya. Pelbagai gaya bahasa dapat dikesan melalui lirik lagu yang didendangkan. Dapatan kajian ini akan dihuraikan mengikut tajuk-tajuk lagu seperti berikut.



## Lagu Bertimpuh

Lagu ini dimainkan pada awal cerita, mempunyai 17 rangkap dan setiap rangkap mempunyai dua baris ayat. Ayat pertama akan diulang pada baris yang kedua. Terdapat tiga unsur gaya bahasa yang dikesan dalam lagu ini, iaitu sinkof, repetisi dan penggunaan diksi. Sinkof ialah kependekan kata. Hanya tiga patah perkataan yang melambangkan unsur sinkof, iaitu :

- i. *tak* (tidak)
- ii. *leh* (boleh)
- iii. *nak* (hendak)

Perkataan-perkataan tersebut hadir dalam ayat di bawah :

### Rangkap 1

Eeeee...***tak leh*** ghalit amboi di daganglah eee...dok bilang...  
***Tak leh*** ghalit amboi di daganglah eee...dok bilang...

### Rangkap 15

Laaa...amboi ***tak leh*** dok ghalit ke manalah eee...ke sini...  
 Laaa...amboi ***tak leh*** dok ghalit ke manalah eee...ke sini...

### Rangkap 3

Laaa...amboi baiklah ***nak*** cek bersiaplah eee...bersurai...  
 Laaa...amboi baiklah ***nak*** cek bersiaplah eee...bersurai...

Unsur repetisi, iaitu pengulangan kata pada baris yang sama pula dikesan pada rangkap di bawah :

### Rangkap 4

Laaa...amboi ambiklah ***sisiaq*** cek ***sisiaq***lah eee...bersurai  
 Laaa...amboi ambiklah ***sisiaq*** cek ***sisiaq***lah eee...bersurai

Penggunaan diksi juga memberi kesan yang tersendiri kepada lirik lagu ini. ***Ghalit*** ialah perkataan dalam dialek Kedah yang membawa maksud leka. Perkataan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard ini hadir dalam rangkap pertama dan rangkap ke-15 lagu.

### Rangkap 1:

Eeeee...tak leh ***ghalit*** amboi di daganglah eee...dok bilang...  
 Tak leh ***ghalit*** amboi di daganglah eee...dok bilang...

Namun begitu, perkataan *sisiaq* yang hadir dalam rangkap keempat dan kelima lagu, berasal daripada perkataan sisir dalam bahasa Melayu standard. Sisir bermaksud sikat, yang bertepatan dengan maksud kedua-dua rangkap tersebut yang memperkatakan perihal sanggul. Perhatikan ayat di bawah :

### Rangkap 4 :

Laaa...amboi ambiklah ***sisiaq*** cek *sisiaq*lah eee...bersurai  
 Laaa...amboi ambiklah ***sisiaq*** cek *sisiaq*lah eee...bersurai

### Rangkap 5 :

Laaa...amboi **sisiaq** bersurai cek sanggullah eee...yang lipat...  
 Laaa...amboi **sisiaq** bersurai cek sanggullah eee...yang lipat...

Dalam rangkap kesembilan dan kesepuluh, perkataan *luluq* yang merupakan sebutan dialek Kedah bermaksud lulur dalam bahasa Melayu standard. Makna lulur ialah menyapu sesuatu benda cair pada sesuatu bahagian benda atau anggota badan. Kehadiran perkataan tersebut dapat dilihat dalam rangkap di bawah :

**Rangkap 9 :**

Laaa...amboi ambiklah bedak cek **luluqlah** eee...ke muka...  
 Laaa...amboi ambiklah bedak cek **luluqlah** eee...ke muka...

**Rangkap 10 :**

Laaa...amboi **luluq** sekali semualah eee...yang rata...  
 Laaa...amboi **luluq** sekali semualah eee...yang rata...

Selain itu, dalam rangkap ke-11, perkataan *pateh* diguna bagi memperihalkan bentuk kening. *Pateh* atau pantis dalam bahasa Melayu standard bermaksud sejenis alat yang digunakan untuk menghitamkan kebing. Dalam lagu ini, alat yang digunakan untuk menghitamkan kening ialah celak. Hal yang demikian bertepatan dengan maksud rangkap di bawah :

**Rangkap 11 :**

Laaa...amboi ambiklah celak cek **patehlah** eee...di kening...  
 Laaa...amboi ambiklah celak cek **patehlah** eee...di kening...

Kebanyakan diksi yang digunakan dalam lagu ini dapat dikesan maksudnya kecuali perkataan *ngulai* yang hadir dalam rangkap keenam. Perhatikan rangkap di bawah :

**Rangkap 6 :**

Laaa...amboi tujuh dok lipat sembilanlah eee...yang **ngulai**...  
 Laaa...amboi tujuh dok lipat sembilanlah eee...yang **ngulai**...

## Lagu Burung Odang

Berlainan dengan lagu Bertimpuh, lagu ini hanya mempunyai lima rangkap. Setiap rangkapnya akan diulang frasa *burung odang didondang*. Apakah yang dimaksudkan dengan *burung odang*? Kenapakah *burung odang* ini begitu istimewa sehingga namanya dipilih berbanding dengan burung-burung lain? Kenapa pulak *burung odang* mesti *didondang*? Begitulah indahnya pemilihan diksi dalam lagu ini sehinggakan pendengar serta penonton tertanya-tanya akan persoalan ini.

Dalam setiap rangkap, terdapat unsur anafora, iaitu pengulangan kata pada awal baris, namun pengulangan tersebut ditambah dengan partikel 'lah' bertujuan untuk melembutkan permintaan. Lihat contoh di bawah :

**Rangkap 1 :**

**Bangun awang**...burung odang didondang...

**Bangunlah awang**...nyawa bangun senyawa eee...

**Rangkap 2 :**

**Gerak bangun**...burung odang didondang...

**Geraklah bangun**...jaga bergoncang dok jaga eee...

Selain unsur anafora, unsur repetisi juga memainkan peranan untuk mengindahkan lagi ayat. Repetisi bermaksud pengulangan kata pada baris yang sama. Unsur ini dapat dikesan dalam rangkap ketiga dan keempat lagu.

**Rangkap 3 :**

Sangat lama...burung odang didondang

Sangatlah lama...**panggil** saya dok **panggil** eee...

**Rangkap 4 :**

Sudah siang...burung odang didondang

Sudahlah siang...**malam** menjadi oii **malam** eee...

### Lagu Tangkap Lakon

Lagu Tangkap Lakon ini mengandungi lima rangkap seperti Lagu Odang, namun berbeza dari segi jumlah ayat di dalam setiap rangkap. Setiap rangkap mengandungi tiga baris ayat. Baris pertama dan kedua dalam setiap rangkap kecuali rangkap pertama mengandungi unsur anafora, iaitu pengulangan kata pada awal baris. Lihat dua contoh di bawah :

Rangkap 2 :

**Kalau tak habaq** nilah di...awang oii..

**Kalau tak habaq**...awang oii...

La di mana nak tahu eee...

Rangkap 3 :

**Tangkap lakon** nilah di...awang oii..

**Tangkap lakon**...awang oii...

Kita hubung lakon eee...

Selain anafora, epifora juga dapat dikesan dalam lagu ini. Epifora ialah pengulangan kata pada akhir baris. Semua rangkap mempunyai unsur anafora dan perkataan yang diulang pada semua rangkap adalah sama. Contohnya adalah seperti berikut :

**Rangkap 4 :**

Kita nak bawa nilah di...**awang oii**...

Kita nak bawa...**awang oii**...

La di satu lakon eee...

**Rangkap 5 :**

Lakon bernama nilah di...awang oii...

Lakon bernama...**awang oii**...

Hai Cahaya Bulan eee...

Unsur sinkof *tak* (tidak) dan *nak* (hendak) juga terdapat dalam lagu ini, sama seperti dalam lagu Bertimpuh. Sinkof terdapat dalam rangkap kedua dan keempat. Selain sinkof, penggunaan diksi *habaq* jelas menunjukkan bahawa lagu ini sememangnya warisan negeri Kedah. *Habaq* dalam dialek Kedah bermaksud memberitahu.

### Lagu Raja Beradu

Lagu ini merupakan lagu yang paling pendek kerana mengandungi tiga rangkap sahaja. Setiap rangkap pula hanya mengandungi dua baris ayat. Penggunaan sinkof yang sama, iaitu *nak* (hendak) hadir dalam rangkap kedua lagu. Perhatikan contoh di bawah :

**Rangkap 2 :**

Adik eee...lah *nak* ulik...  
Nong oii diraja...beradu...

Perkataan *Nong* juga hadir dalam baris kedua dalam setiap rangkap. Apakah yang dimaksudkan dengan *Nong*?

### Lagu Ayuh Cek Milik

Lagu ini agak berlainan daripada lagu-lagu sebelumnya kerana menyelitkan elemen pantun. Hal yang demikian disokong dengan penggunaan rima *ab/ab* dalam setiap rangkapnya. Misalnya dalam rangkap di bawah :

**Rangkap 1 :**

Ayuh cek milik...mengaranglah bunga...  
Bunga dikarang...tuan sayang tidak bertal*i*...  
Tabiklah encik...tuan semua...  
Saya nak mintak...tuan sayang mohon berhent*i*...

**Rangkap 3 :**

Jangan dok tajuk...jagung bertani*i*...  
Jagung bertani...tuan sayang baru berpaga*r*...  
Jangan dok ajuk...Mek Mulung la kami*i*...  
Mek Mulung kami...tuan sayang baru belajar

Dalam lagu ini, terdapat unsur *hiperbola*, iaitu perbandingan yang melampau. '*Putihlah bulan*' dan '*bercerailah tulang*' merupakan unsur *hiperbola* yang sememangnya tidak menggambarkan maksud yang sebenarnya. Bulan jarang kelihatan berwarna putih dan kalau berwarna putih sekalipun, mungkin bermaksud bulan mengambang kerana cahayanya yang sangat terang. Tulang pula semestinya melekat erat pada isi dan dibaluti dengan kulit. Kalau tidak kerana kulit, pastilah tulang akan bercerai daripada isinya. Unsur inilah yang dikatakan perbandingan yang melampau kerana sudah semestinya manusia yang hidup tidak akan bercerai tulang melainkan jasad yang telah mereput.

### Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap dialog dan lagu dalam cerita Putera Cahaya Bulan bagi persembahan teater Mek Mulung ini, didapati gaya bahasa pengulangan lebih mendominasi keseluruhan ceritanya berbanding dengan gaya bahasa yang lainnya. Penemuan gaya bahasa anafora, epifora dan repetisi sangat ketara bagi kedua-dua aspek yang dikaji, iaitu dialog dan lagu. Selain itu, terdapat juga bentuk gaya bahasa personafikasi, pleonasme,



kiasan, sinkof dan paradoks yang ditemukan dalam teater tradisional Kedah ini. Elemen pengulangan ini hampir menyamai bentuk sastra lisan dalam cerita-cerita penglipurlara seperti Awang Batil dan Awang Belanga. Selain itu, walau tidak begitu jelas dari aspek rima bahasanya, namun pemilihan kata-kata dan perulangan kata yang puitis dalam lagu-lagu dan dialog-dialog oleh watak utama seperti Putera Cahaya Bulan, Puteri Nurmara dan Wak Nujum telah menyerlahkan estetika bahasa Melayu dialek Kedah. Melalui gaya bahasa yang ditonjolkan dalam persembahan Mek Mulung ini kita dapat mentafsir akan sosiobudaya masyarakat Melayu di perkampungan Wang Tepus dan Perik, Kedah khususnya dan masyarakat Melayu Kedah amnya pada suatu masa dahulu. Gaya bahasa yang digunakan dalam cerita Putera Cahaya Bulan ini telah memberi impak yang besar kepada penonton sama ada dari segi estetika bahasa, akal budi, mesej pengajaran dan unsur humor yang sangat terkesan.

## Rujukan

- Aminuddin Mansor. (2012). *Akal budi Melayu dalam pantun dan sajak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Omar. (1992). *Kajian dan perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boon Jong Fook. (2007). *Wayang kulit gedek di negeri Kedah: Satu kajian struktur persembahan*. Tidak diterbitkan, Tesis Sarjana Sastra, Minden: Universiti Sains Pulau Pinang.
- Hassan Ahmad. (2001, Julai). Akal dan budi. *Dewan Budaya*, 42-43.
- Hamidah Abdul Wahab dan Siti Marina Kamil. (2012) *Peribahasa cerminan budi bahasa dan budaya bangsa Melayu*. Dlm Issues in Language studies. Vol 1. m.s 34-37.
- Hashim Hj Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Ab. Karim (2012). Dalam Gema. Vol. 12(1), m.s 163-182. UKM
- Hanafi Dollah (2002). *Bangsa Melayu: Mana Kundi dan Saganya*. Dalam Kertas Kerja Seminar Ketamadunan Melayu. UKM.
- Ismail Hamid (1991). *Masyarakat dan Mudaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. 2012. *Pembentukan skala pengukuran nilai Melayu: satu kajian perintis measuring Malay value: An exploratory* dlm *Akademika* 82(1) 2012: 113-123.
- Ku Zam Zam Ku Idris. (1978). *Alat-alat muzik dalam Ensembel Wayang Kulit, Mek Mulung dan Gendang Keling di Kedah*. Dalam Mohd Taib Osman dan Wan Kadir. *Kajian bahasa dan masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Ghouse Nasarrudin (1979). Dance and Music of the Desa Performing Arts of Malaysia. Dissertasi Phd. University of Hawaii, USA.

Maniyamin Haji Ibrahim (2006). **Gaya Bahasa Kiasan (Penggunaan dan Keberkesanannya Dalam Sajak)**. Shah Alam: Karisma Paublications

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005). Pengajaran Gaya Bahasa Dalam Bahasa Melayu. **Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 16, 2005**

Omar Abdullah (1986). Mek Mulung: Sebuah Persembahan Tradisional Kedah. Dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah. m.s. 29-37*. Majlis Kebudayaan Kedah.

Siti Zainon Ismail (2002). Dunia Seniman Melayu Dalam Dimensi Akal Budi. Kertas Kerja Seminar Ketamadunan Melayu. UKM.

Toh Lai Chee (2004). Muzik Dalam Mek Mulung: Perkaitannya dengan Perwatakan, Gerak-geri dan Kegiatan. Tesis Sarjana..

\_\_\_\_\_ (1998). Mek Mulung: Kajian Puisi Melayu. Kumpulan Pelajar Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pendidikan: Universiti Putra Malaysia..

Saipol Bahari Mohd Imam (2012). Skrip Cerita Putera Cahaya Bulan. Teater Mek Mulung. Alor Setar.

#### **Informan**

1. Encik Ahmad bin Shahadan, Kampung Wang Tepus (Pewaris Mek Mulung Generasi ke-15)
2. Encik Saad bin Taib, Kampung Wang Tepus (Pewaris Mek Mulung Generasi ke-8)